

Anwar tolak desakan daripada Rafizi pecat setiausaha politik

PM sifatkan surat sokongan bida projek bukan arahan pegawai

Daripada Sharanjit Singh di Addis Ababa
hhnews0ih.com.my



Johannesburg: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengetepikan desakan agar beliau memecat setiausaha politiknya, yang terpalit kontroversi berhubung surat sokongan dikeluarkan bagi kontraktor yang membida projek hospital.

Menjawab pertanyaan mengenai desakan bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli supaya tindakan sedemikian diambil, Perdana Menteri berkata:

"Saya faham dari mana datangnya pandangan beliau, tetapi kita perlu melihat kepada tahap kesalahan.

"Saya memang tidak bersetuju dengan apa yang dilakukan (setiausaha politik itu), tetapi kita perlu tanya sama ada projek itu benar-benar diberikan berdasarkan suratnya... jawapannya tidak.

"Jadi, kita sudah menegurnya... kita tidak boleh mendesak tindakan tegas diambil hanya kerana kita tidak bersetuju dengan orang itu. Kita perlu konsisten.



Anwar mengadakan perbincangan rasmi bersama Presiden Afrika Selatan, Matamela Cyril Ramaphosa di Pusat Konoensyen Sandton, Johannesburg, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Saya telah menggunakan kata-kata keras terhadap kakitangan saya supaya ia menjadi pengajaran kepada yang lain juga," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada wartawan di dalam pesawat sewaan Malaysia Airlines yang membawanya ke Afrika Selatan pada ketinggian kira-kira 30,000 kaki, selepas lawatan rasminya ke Addis Ababa semalam.

Anwar berada di ibu negara Ethiopia itu atas jemputan rakan sejawatnya Dr Abiy Ahmed Ali, yang melawat Kuala Lumpur ta-

hun lalu.

Beliau tiba di sini malam tadi untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin G20 sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan akan berada di bandar ini sehingga 23 November sebelum berlepas ke Nairobi, Kenya, sebagai sebahagian daripada lawatan tiga negara di Afrika.

Perlu tindakan lebih tegas

Rafizi sebelum ini dilaporkan berkata, Perdana Menteri perlu bertindak lebih daripada sekadar menegur dan memecat setiausaha

politik berkenaan.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata hanya dengan cara itu Perdana Menteri akan menghantar mesej jelas mengenai komitmennya membanteras rasuah.

"Itu yang sepatutnya berlaku. Jangan tegur. Pecat sahaja," kata Rafizi dalam satu video yang dimuat naik pada akaun Facebook miliknya.

Pada Selasa lalu, Anwar memaklumkan Dewan Rakyat bahawa setiausaha politiknya sudah ditegur berhubung isu berkenaan dan peraturan kerajaan me-

larang pengeluaran surat sokongan sebegini.

Anwar berkata, beliau hanya boleh menulis sila teliti walaupun bagi surat yang ditujukan kepadanya dan koritrak boleh disemak tetapi tidak boleh diberi sokongan automatik.

Namun, Rafizi berkata jawapan Anwar kurang 'umph', memandangkan surat berkenaan didehkan tahun lalu dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad juga sudah mengesahkan keasliannya.

Mengenai desakan Rafizi supaya setiausaha politik berkenaan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut, Anwar berkata:

"Surat itu bukan arahan. Anda dengar orang bercakap tentang rasuah ada satu dua kes, tetapi mereka langsung berdiam diri tentang berbilion ringgit yang dicuri apabila ia membabitkan rakan atau penyumbang mereka.

"Bagi saya, ini lebih serius. Saya tidak ada simpati kepada mereka yang melarikan berbilion. Kamu pejam mata pada semua kes besar ini, tetapi memperbesar isu kecil... betul, ia memang tidak boleh dibiarkan, tetapi ia tidak patut disamakan dengan kes berbilion yang dicuri," katanya.

Apabila ditanya sama ada amaran keras sudah mencukupi, Anwar berkata pengkritik perlu konsisten dalam memilih isu yang hendak diperjuangkan.

"Mereka mesti konsisten... kamu tidak mengetengahkan kes rasuah besar membabitkan VIP (orang kenamaan), tetapi kamu buru ikan bilis hanya untuk meraih populariti," katanya.